

TELEFON PINTAR

Telefon pintar adalah sebahagian daripada keperluan zaman moden. Ia bukan sekadar membuat panggilan atau menulis dan menerima khidmat pesanan ringkas (SMS) tetapi juga kemudahan internet, WiFi dan kamera digital.

Penggunaan telefon pintar ini sememangnya menarik minat masyarakat terutama golongan mahasiswa seperti saya. Ia memudahkan saya untuk mengetahui informasi terkini dan mencari bahan secara pantas kerana semuanya di hujung jari kita.

Telefon pintar kini digunakan

Siswa patut guna kemudahan secara berhemah

secara meluas kerana pengeluarannya semakin meningkat. Syarikat yang mengeluarkan telefon pintar seperti Apple dan Samsung bersaing antara satu sama lain bagi mengeluarkan produk yang lebih canggih dari masa ke semasa.

Peluang meluas miliki telefon pintar

Tambahan pula, Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak mengumumkan rebat RM200 kepada 1.5 juta belia yang berumur 21 hingga 30 tahun dan berpendapatan

RM3,000 ke bawah untuk membeli telefon pintar 3G ketika membentangkan Bajet 2013.

Pengumuman ini 'bagaikan pucuk dicita ulam mendatang' bagi golongan mahasiswa yang belum pernah memilikinya termasuk saya sendiri.

Akan tetapi, penggunaan telefon pintar ini ada pro dan kontranya. Walaupun memberi kebaikan tetapi tidak semua mahasiswa boleh mengaplikasikan penggunaan secara profesional. Hal ini disebabkan, mereka tidak meng-

gunakan telefon pintar ini secara berhemah lantaran kerana aplikasi yang semakin canggih.

Mahasiswa leka berinteraksi waktu kuliah

Sebagai contoh, sewaktu penyarah berucap di hadapan, terdapat segelintir mahasiswa menggunakan telefon pintar sewaktu kuliah dan tidak menumpukan perhatian terhadap pembelajaran, sebaliknya asyik melayari internet dan berinteraksi dengan orang luar melalui rangkaian seperti *Twitter* dan

Facebook. Ditambah pula dengan aplikasi hiburan yang menyebabkan tumpuan terhadap pelajaran beralih kepada telefon pintar.

Justeru, senario seperti ini seharusnya dielakkan kerana jika dibiarkan secara berterusan boleh memberikan impak negatif kepada pembelajaran seterusnya menyebabkan prestasi di dalam kelas semakin menurun.

Pada hemat saya, siswa perlu dilarang membawa telefon pintar ke kuliah demi masa depan mereka sendiri.

Nurliyana Adnan

Fakulti Pengajian Bahasa Utama
Universiti Sains Islam Malaysia